



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan AWAM Negara Brunei Darussalam.

**MERINYU METER (D.3 EB.4-5)
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. MERINYU METER
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji D.1 / D.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pemasangan paip dan membaiki kerosakan paip di dalam dan di luar bangunan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

JABATAN KERJA RAYA, CAWANGAN DAERAH BELAIT (SKB)

1. Melapor kepada Jurutera / Ketua Pembantu Teknik / Pengawas Tingkat Khas dalam kerja pengawasan / pelaksanaan / pengurusan dan penyelenggaraan meter-meter air dan gas;
2. Mengetuai kakitangan bawahan seperti Pembaca Meter Tingkat I dan Pembaca Meter;
3. Memeriksa dan memantau pembacaan meter-meter air dan gas yang diselenggarakan oleh Pembaca Meter mengikut zon dan bahagian-bahagian;



4. Mengemaskini laporan pembacaan meter-meter yang diterima dari *handheld* untuk diselaraskan dengan penggunaan untuk dikeluarkan bil;
5. Memeriksa aduan-aduan kerosakan meter-meter air yang tidak berfungsi;
6. Menghantar tuntutan amaran bil kepada pengguna yang mempunyai tunggakan; dan
7. Arahan-arahan kerja lain yang dilaksanakan mengikut keterangan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.